

# Ucapan oleh Leonid Brezhnev sebelum berlepas pulang dari Amerika Syarikat pada 25 Jun, 1973

Tuan Naib Presiden,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Rakan-Rakan,

Lawatan kami ke Amerika Syarikat telah sampai ke peringkat akhir. Ia berlangsung hanya selama lebih sedikit dari seminggu, tetapi kami telah melaksanakan banyak tugas penting dan berhasil.

Hasil-hasil dari tugas ini telah dapat dilihat tanpa diperkatakan lagi. Ini boleh diperhatikan daripada beberapa perjanjian baharu yang ditandatangani dalam masa beberapa hari lalu oleh kedua negara kita, dan daripada pernyataan bersama yang dikeluarkan. Saya percaya banyak yang boleh ditulis daripada hasil-hasil pertemuan — kita; mereka akan dikaji dan ia akan diberi ulasan.

Tetapi sehingga sekarang kita boleh berkata dengan penuh kepercayaan bahawa kita telah berjaya mencapai banyak kemajuan dalam tugas penting dan mustahak yang telah kita mulakan di Moscow. Seperti yang tuan-tuan dapat ingat, Presiden Nixon dan saya telah berunding dalam bulan Mei tahun lalu. Tahun ini kami bertemu lagi dalam bulan Jun. Nampaknya dalam kes ini juga, pada tahun yang berikutnya, politik telah berkembang mengikut keadaan yang semula jadi.

Ferdapat setiap alasan untuk mempercayai bahawa kesan

daripada sumbangan baik dan berguna yang telah kami berikan terhadap politik antarabangsa akan dirasakan bagi beberapa tahun yang akan menjelang.

Masih terdapat banyak yang perlu dibuat, dan kerana ini kita memerlukan lebih banyak pertemuan dan usaha-usaha yang selanjutnya bagi pihak kami dan bagi pihak tuan sendiri.

Sebagai penutupnya, saya ingin berkata bahawa setiap yang saya telah lihat di Amerika Syarikat, saya dapati ia sangat menarik dan saya akan mengingatnya bagi beberapa waktu yang panjang di hari-hari depan. Pada khususnya saya akan mengingati perjumpaan-perjumpaan yang banyak kami adakan dengan rakyat Amerika dan semua yang telah mereka cakapkan tentang keamanan dan kerjasama antara kedua negara kita.

Bagi pihak diri saya sendiri dan rakan-rakan saya yang telah mengiringi saya dalam kunjungan ini, saya ingin menyatakan rasa termakasih saya yang ikhlas kepada Presiden Nixon dan ahli-ahli keluarganya, kepada anggota-anggota Kerajaan Amerika Syarikat dan semua pegawai pegawai yang lain yang telah memberi sambutan hangat terhadap kami dan kehormatan yang mereka berikan terhadap kami.

Saya ingin mengucapkan selamat mencapai keamanan dan kemakmuran kepada rakyat Amerika.

Biarlah hubungan baik dan aman antara Soviet Union dan Amerika Syarikat berkembang terus menjadi lebih kukuh.

Selamat tinggal, sehingga kita bertemu lagi!